

## **PROFIL MEDIA MAJALAH QIADAH**

### **1. LATAR BELAKANG**

Nama Qiadah diambil daripada perkataan Arab yang membawa maksud Peneraju. Ia merupakan majalah korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) yang diterbitkan secara berkala iaitu setiap tiga (3) bulan sekali atau berdasarkan kepada keperluan semasa. Penerbitannya yang bermula pada tahun 2008 berperanan untuk menyampaikan pelbagai maklumat terkini khususnya mengenai kerajaan negeri Kelantan dan PMBK serta masyarakat Kelantan amnya.

### **2. FOKUS ATAU TEMA**

Fokus atau tema memainkan peranan penting kepada penerbitan majalah Qiadah di mana tema akan mempengaruhi kandungan majalah tersebut. Setiap kandungan yang dihasilkan akan menyokong atau merujuk kepada tema yang telah dipersetujui bersama. Tema dipilih berdasarkan kepada dasar atau aktiviti yang melibatkan kerajaan negeri Kelantan dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan serta Kumpulan.

Tema yang dipilih mestilah dipersetujui bersama dalam mesyuarat editorial Qiadah di mana segala keputusan akan diputuskan di dalam mesyuarat tersebut yang akan disahkan oleh Setiausaha Menteri Besar Kelantan. Antara perkara yang pernah menjadi tema atau fokus bagi majalah Qiadah ialah:

- 1) Edisi pertama : Pelan Ekonomi Hijau (Go Green)
- 2) Edisi ke-2 : Meraikan Kelainan Bangsa (Celebrating the Differences)
- 3) Edisi ke-3 : Wanita Kelantan (Exclusively Feminine)
- 4) Edisi ke-4 : Ihya' Ramadhan (Holy Ramadhan)
- 5) Edisi ke-5 : Kelantan - Kampus Rohani (Soul Campus)
- 6) Edisi ke-6 : Membangun Bersama Islam (20 Years of Excellent Leadership)
- 7) Edisi ke-7 : Dinar dan Dirham Kelantan (The Land of Dinar & Dirham)
- 8) Edisi ke-8 : Bertani Satu Ibadah (Agriculture is a Devotion)
- 9) Edisi ke-9 : Mitos Hijrah Orang Kelantan (Hijra of the Kelantanese)
- 10) Edisi ke-10 : Negeri Berkebajikan (Kelantan, A Charitable State)
- 11) Edisi ke-11 : Membangun Tamadun Kelantan (Developing Kelantan Civilization)
- 12) Edisi ke-12 : Kelantan, Ekonomi yang Barakah
- 13) Edisi ke-13 : Terima Kasih Tok Guru
- 14) Edisi ke-14 : Tanggungjawab Kolektif
- 15) Edisi ke-15 : Bah Kuning, Tsunami Kecil
- 16) Edisi ke-16 : Perginya Sang Murabbi Ummah
- 17) Edisi ke-17 : Pengukuhan 3K (Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan)

### **3. JAWATANKUASA EDITORIAL**

Jawatankuasa Editorial majalah Qiadah merupakan individu yang terlibat secara langsung dengan penerbitan majalah ini. Ahli Jawatankuasa terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK atau pegawai tertinggi di PMBK yang bertindak sebagai Ketua Editor dalam penerbitan majalah ini dan disokong oleh pegawai-pegawai yang terpilih.

Ahli tetap bagi jawatankuasa majalah Qiadah ini adalah dari Jabatan Komunikasi Korporat kerana mereka merupakan ahli yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penerbitan majalah ini. Ahli Jawatankuasa akan memastikan segala proses penerbitan majalah ini berjalan dengan lancar dan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

### **4. SPESIFIKASI MAJALAH**

Ukuran	: 276mm x 210mm (Portrait)
Halaman	: 100 muka surat
Kulit depan & belakang	: 210 gsm Art Card
Halaman Isi	: 105 gsm Matt Art Paper
Percetakan	: Cover (4c + UV Varnish x 4c)
Kesiapan	: Lock Bind, cover drawn on and trimmed to size
Jumlah	: 10,000 naskah

### **5. PENGIKLANAN DAN PEMASARAN**

Memandangkan majalah Qiadah diedarkan secara percuma kepada rakyat, maka PMBK perlu menampung sebahagian daripada kos penerbitan melalui jualan ruang iklan. Oleh itu, sokongan padu dari agensi-agensi kerajaan negeri dan syarikat-syarikat lain amat diharapkan. Imej yang sebenar dan tepat seperti yang dipamerkan dalam majalah Qiadah diharap dapat menarik lebih ramai pelabur luar untuk turut membangunkan ekonomi Kelantan. Secara tidak langsung, ia juga akan membantu kepada perkembangan perniagaan agensi-agensi kerajaan negeri Kelantan dan syarikat-syarikat tersebut.

### **6. PERCETAKAN**

Percetakan bagi majalah Qiadah untuk setiap edisi adalah sebanyak 10,000 naskah. Percetakannya akan ditambah bergantung kepada permintaan semasa. Percetakan dilakukan oleh syarikat percetakan yang terpilih di Kelantan dengan tujuan membantu rakyat Kelantan mengembangkan perniagaan mereka.

## 7. EDARAN

Edaran bagi 10,000 naskah majalah Qiadah merangkumi semua jajahan di negeri Kelantan yang melibatkan agensi kerajaan serta swasta, Institusi Pengajian Tinggi, sekolah, masjid, Perpustakaan Awam, hotel dan juga Persatuan Anak-anak Kelantan di Perantauan (PERAKAN) serta individu yang berminat di luar Kelantan (seluruh Malaysia).

Maklumat ringkas mengenai edaran majalah Qiadah adalah sebagaimana berikut:

- |                                   |       |
|-----------------------------------|-------|
| 1) Negeri Kelantan                | : 70% |
| 2) Kementerian di Putrajaya       | : 10% |
| 3) Syarikat berkaitan pengiklanan | : 10% |
| 4) Individu (seluruh Malaysia)    | : 10% |

## 8. PENCAPAIAN

Majalah Qiadah telah dipertandingkan di Hadiah Suar Bahasa peringkat Wilayah Timur anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur dan telah berjaya merangkul beberapa anugerah:

<b>Tahun</b>	<b>Pencapaian</b>	<b>Kategori</b>
<b>2012</b>	Johan	Penerbitan
	Naib Johan	Bahasa
<b>2013</b>	Ketiga	Bahasa
<b>2014</b>	Ketiga	Bahasa

## 9. PENUTUP

PMBK sebagai sebuah agensi kerajaan negeri bertanggungjawab untuk menyalurkan maklumat mengenai kerajaan negeri Kelantan kepada rakyat Kelantan khususnya dan masyarakat umum amnya. Dengan adanya majalah korporat ini, semoga ianya dapat membantu rakyat Kelantan sentiasa peka dengan perkembangan negeri Kelantan.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

Alamat : Ketua Editor Majalah Qiadah  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan  
Tingkat 6, Bangunan PMBK  
Jalan Kuala Krai  
15050 Kota Bharu, Kelantan

No. telefon : 09-747 4082

No. faks : 09-747 7815